

MPC.600-2/6/28

6 Januari 2021

Dr Hannah Ho Lee Lee
Consultlead Sdn Bhd
Lot 199, 2nd Floor
Cinmuk Commercial Centre
Kota Sentosa, 93250 Kuching
Tel : 012-883 7177

Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM MS ISO 9001:2015 BAGI PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bersetuju untuk melantik puan dari **Consultlead Sdn Bhd** untuk pelaksanaan projek pembangunan sistem bagi organisasi yang dinyatakan. Di dalam program ini, puan dikehendaki melaksanakan aktiviti taklimat, latihan, dan khidmat nasihat bagi membolehkan organisasi ini berjaya menamatkan projek pembangunan sistem dengan jayanya.

3. Pelantikan puan untuk melaksanakan projek bagi organisasi ini adalah mengikut syarat-syarat seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2** yang mengambil masa antara **4 hingga 6 bulan** bermula **Januari** hingga **Jun 2021**. Jumlah keseluruhan bayaran termasuk bayaran profesional, penginapan dan perjalanan melaksanakan tugas bagi program ini sebanyak **RM 16,200.00**. Bayaran ini akan dibayar oleh MPC secara berperingkat mengikut kemajuan kerja seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran 3**.

4. Sekiranya pihak puan bersetuju dengan lantikan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan surat Akuan Setuju Terima seperti di **Lampiran 4** kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan puan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

5. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak puan dalam menjayakan Projek Pembangunan Sistem MS ISO 9001:2015.

Sekian, terima kasih.

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SEMAWI ZAKARIA)
Pengurus Kanan
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Sarawak

1.0 Skop Kerja Projek

Jadual di bawah merupakan skop kerja pihak **Consultlead Sdn Bhd** (Perunding). Adalah menjadi tanggungjawab perunding untuk membantu organisasi melalui pendekatan yang diambil seperti jadual di bawah:

Carta Perbatuan Projek MS ISO 9001:2015 Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak

Aktiviti	Tahun 2021					
	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN
Latihan 1: Training of Appreciation Course of ISO 9001:2015						
Latihan 2 : Risk Management Workshop						
Lawatan Perundingan 1-5: Preparation and Guidance for Quality Management System (QMS) Documentation.						
Latihan 3 : Training of Internal Quality Audit (IQA)						
Lawatan Perundingan 6-7: Guide on the Internal Audit Process						
Lawatan Perundingan 8: Assist of Management Review Meeting (MRM)						
Lawatan Perundingan 9: Corrective Action						

*Tarikh sebenar sesuatu aktiviti tertakluk persetujuan pihak perunding dan syarikat peserta dan perlu dimaklumkan kepada pihak MPC (melalui penyelarasan berkenaan)

2.0 Syarat Pelantikan

1. Mematuhi Etika Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem;
2. Bersetuju untuk menjalankan projek sehingga tamat mengikut surat tawaran;
3. Kadar bayaran untuk kursus/latihan ialah **RM1,200.00 sehari** (7 jam);
4. Kadar bayaran untuk taklimat & lawatan perundingan ialah **RM1,000.00 sehari**;
5. Bersetuju dengan syarat-syarat 3 dan 4 di atas sebagai pakej yuran khidmat profesional termasuk perbelanjaan lain iaitu **perjalanan, penginapan, material program dan lain-lain yang diperlukan untuk kursus tersebut**;
6. Bayaran akan dibuat mengikut peringkat projek yang akan ditawarkan;
7. Perunding tidak mengendalikan lebih dari 3 projek pada satu-satu masa;
8. Mempunyai rekod penilaian dari pelanggan dan skor latihan yang baik (4.0 dan ke atas);
9. Perunding perlu menyediakan peralatan bantu mengajar (*presentation aids*) seperti komputer riba dan *LCD projector* untuk tujuan latihan;
10. Nota kursus yang akan digunakan hendaklah mengandungi logo MPC. Nota-nota dalam bentuk *softcopy* tersebut haruslah diserahkan kepada pegawai MPC terlibat sebelum kursus dijalankan untuk tujuan pemantauan;
11. Perunding hendaklah memaklumkan tarikh sebenar latihan/lawatan kepada pegawai MPC yang terlibat sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum sesi bermula;
12. Menghantar laporan projek mengikut jadual fasa yang telah ditetapkan (seminggu selepas aktiviti terakhir dijalankan) bersama **invois asal** kepada pegawai petugas MPC. Sekiranya tidak dihantar, maka pembayaran tidak akan diproses bagi fasa tersebut (Rujuk para 3.2 Lampiran 3);
13. MPC tidak bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan penginapan kepada perunding;
14. Kos penerbangan akan ditanggung sendiri oleh pihak perunding (sekiranya berkenaan); dan
15. MPC berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa jika ada syarat-syarat tidak dipatuhi.

* *Sekiranya perunding menarik diri daripada projek ini tanpa sebarang sebab yang munasabah, maka perunding akan dibawa ke Jawatankuasa Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem (PLPS) untuk tindakan pembatalan sebagai pembekal.*

3.0 Bayaran

Berikut adalah komponen bayaran yuran profesional perkhidmatan yang dijalankan oleh perunding*:

1. 6 Hari Latihan @ RM1,200.00 sehari	RM7,200.00
2. 9 Hari Taklimat / Perundingan @ RM1,000.00/hari	RM9,000.00
Jumlah	RM 16,200.00
Jumlah Keseluruhan	RM 16,200.00

* Jumlah bersih termasuk kos perjalanan dan perbelanjaan lain seperti penginapan dan material program.

4.0 Perincian Aktiviti, Yuran dan Jadual Pembayaran

Bil	Aktiviti	Jumlah Hari	Kos	Kos Keseluruhan
1	Training of Appreciation Course of ISO 9001:2015 (Latihan 1)	2	RM1,200.00	RM 2,400.00
2.	Risk Management Workshop (Latihan 2)	2	RM1,200.00	RM 2,400.00
Jumlah Bayaran Fasa Pertama				RM 4,800.00
3.	Preparation and Guidance for Quality Management System (QMS) Documentation. (Lawatan Perundingan 1-5)	5	RM 1,000.00	RM 5,000.00
4.	Training of Internal Quality Audit (IQA) (Latihan 3)	2	RM 1,200.00	RM 2,400.00
Jumlah Bayaran Fasa Kedua				RM 7,400.00
5.	Guide on the Internal Audit Process (Lawatan Perundingan 6&7)	2	RM 1,000.00	RM 2,000.00
6.	Assist of Management Review Meeting (MRM) (Lawatan Perundingan 8)	1	RM 1,000.00	RM 1,000.00
7.	Corrective Action (Lawatan Perundingan 9)	1	RM 1,000.00	RM 1,000.00
Jumlah Bayaran Fasa Ketiga				RM 4,000.00
Jumlah Kos Keseluruhan				RM 16,200.00

5.0 Perincian program Kursus/latihan dan Lawatan Perundingan

Bil	Maklumat	Hari
1	Training of Appreciation Course of ISO 9001:2015 • Introduction to the Quality • Interpretation of ISO 9001:2015 • Understanding the Business Process Mapping within company.	2
2	Risk Management Workshop • Structure of the Risk Management Documentation • Development of Risk Register and Mitigation Plan	2
3	Preparation and Guidance for Quality Management System (QMS) Documentation. • Standard of Procedure (SOP) • Determination Scope of Certification • Setting of Quality Policy and Quality Objectives (determination permissible exclusion of ISO9001:2015 to in line with company requirement) • Documentation of ISO 9001:2015 Review • Advising for improvement of services	5 (Lawatan Perundingan)
4	Training of Internal Quality Audit (IQA) • Understanding the Internal Audit Process and Findings. • Understanding the expectation of Third-Party Audit	2
5	Guide on the Internal Audit Process • Review the Internal Audit Finding • Guide to solving the Non-Conformance Findings • Analyse of Audit Findings	2
6	Assist of Management Review Meeting (MRM) • Explanation of involvement key personnel during MRM • Advice on taking minutes • Guide of Management Review Meeting • Review content(inputs) of minutes of MRM • Review supporting data analysis on minutes of MRM • Review Corrective Action discussed on the MRM • Review on the Continuous Improvement taken and highlight on MRM.	1
7	Corrective Action	1
	Jumlah hari	15

6 Januari 2021

Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Wilayah Sarawak
Lot 894, Lorong Demak Laut 3A
Taman Perindustrian Demak Laut
93050, Kuching Sarawak
(u.p.: Liyana Othman)
Tel: 082-439959 Faks : 082-439969

Puan,

**AKUAN SETUJU TERIMA PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING PROJEK
PEMBANGUNAN SISTEM MS ISO 9001:2015 BAGI PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN
NEGERI SARAWAK**

Saya **Dr Hannah Ho Lee Lee** mewakili pihak syarikat **Consultlead Sdn Bhd** no. K/P:
_____ bersetuju dilantik sebagai perunding **Projek Pembangunan
Sistem MS ISO 9001:2015 untuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak** yang
bernilai **RM 16,200.00 dalam tempoh Jan – Jun 2021 (6 bulan)**. Saya memahami dan
akan mematuhi pelaksanaan khidmat perundingan mengikut spesifikasi yang ditetapkan
oleh MPC.

2. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam
spesifikasi tersebut, pihak MPC berhak untuk membatalkan pelantikan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :